

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**TAHAP PROFESIONALISME GURU SEKOLAH RENDAH
AGAMA JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
TERHADAP AMALAN PERLAKSANAAN PENGAJARAN**

*THE LEVEL OF PROFESSIONALISM OF RELIGIOUS PRIMARY SCHOOL
TEACHERS OF THE ISLAMIC RELIGIOUS DEPARTMENT OF THE FEDERAL
TERRITORY TOWARDS THE PRACTICE OF TEACHING IMPLEMENTATION*

Norhisham Muhamad^{1*}, Nur Haiza Izhar², Muhammad Zulazizi Mohd Naw³, Abu Zarrin Selamat⁴

¹ Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
Email: nhisham@fsk.upsi.edu.my

² SMK Padang Tembak, Jalan Sultan Yahya Petra, Kuala Lumpur
Email: nurhaizaa128@gmail.com

³ Email: zulazizi0902@gmail.com

⁴ Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan Karakter, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
Email: zarrin@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 25.08.2022

Published date: 22.09.2022

To cite this document:

Muhamad, N., Izhar, N. H., Naw, M. Z. M., & Selamat, A. Z. (2022). Tahap Profesionalisme Guru Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Terhadap Amalan Perlaksanaan Pengajaran. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 504-520.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap profesionalisme guru sekolah rendah agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) terhadap amalan pelaksanaan pengajaran. Kajian ini melibatkan 274 orang guru Sekolah Rendah Agama (SRA) JAWI di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Data kuantitatif yang menggunakan instrumen soal kaji selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 22 bagi mendapatkan kekerapan (frekuensi), peratusan, min, interpretasi dan sisihan piawai. Hasil kajian bagi tahap profesionalisme guru sekolah rendah agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) terhadap amalan pelaksanaan pengajaran mencatatkan aras tinggi ($M=4.20$, $S.P=0.26$). Sememangnya tahap profesionalisme guru SRA-JAWI terhadap amalan pelaksanaan pengajaran adalah positif tetapi mempunyai kelemahan dari aspek pengaplikasian perisian komputer dalam pengajaran. Justeru, semasa menjalankan proses pengajaran, seseorang guru mesti mengambil kira mengenai kekangan yang dihadapi semasa menggunakan ICT dalam sesi pengajaran untuk diaplikasikan dan kebersediaan guru untuk melakukan pengajaran berasaskan ICT agar menjadi lebih efektif. Kesimpulannya, kajian

DOI: 10.35631/IJEPC.747041

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

menunjukkan tahap profesionalisme guru SRA-JAWI terhadap amalan pelaksanaan pengajaran adalah sangat baik.

Kata Kunci:

Amalan Pelaksanaan Pengajaran, Guru Pendidikan Islam, Sekolah Rendah Agama, Tahap Profesionalisme

Abstract:

This study aims to examine the level of professionalism of religious primary school teachers of the Federal Territory Islamic Religious Department (JAWI) on the practice of teaching implementation. This study involved 274 teachers of Religious Primary School (SRA) JAWI in the Federal Territory of Kuala Lumpur. Quantitative data using a questionnaire instrument were analyzed descriptively using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22 to obtain the frequency, percentage, mean, interpretation, and standard deviation. The results of the study on the level of professionalism of religious primary school teachers of the Federal Territory Islamic Religious Department (JAWI) on the practice of teaching implementation recorded a high level ($M=4.20$, $S.D = 0.26$). Indeed, the level of professionalism of SRA-JAWI teachers towards the practice of teaching implementation is positive but has weaknesses in terms of the application of computers in teaching. Thus, while conducting the teaching process, a teacher must take into account the constraints encountered while using ICT in teaching sessions to be applied and the readiness of teachers to do ICT-based teaching in order to be more effective. In conclusion, the study shows that the level of professionalism of SRA-JAWI teachers on the practice of teaching implementation is very good.

Keywords:

Teaching Implementation Practices, Islamic Education Teachers, Religious Primary Schools, Level of Professionalism

Pendahuluan

Profesion guru adalah sangat penting kepada masyarakat dan negara, kerana profesion ini setanding dengan profesion lain seperti doktor, jurutera dan akautan. Jika golongan doktor merawat orang yang sakit, jurutera bertanggungjawab membangunkan infrastruktur negara, para peguam menegakkan keadilan, namun tugas guru adalah seorang yang bertanggungjawab membentuk dan mendidik manusia supaya menjadi ahli profesional yang terdiri daripada doktor, jurutera, peguam dan lain-lain (Ismail, 2014) Oleh itu, bidang perguruan atau pendidikan merupakan profesion yang paling utama serta besar cabarannya (Mohd Puad *et al.*, 2018).

Menurut Muhammad Salih Samak (1980), kejayaan seorang guru dalam mendidik adalah terletak pada diri seorang guru tersebut. Seperti contoh, sebagai seorang guru agama seharusnya mendidik anak muridnya dengan didikan agama yang lahir dari jiwa guru itu sendiri. Dengan itu, segala tunjuk ajar seorang guru tersebut akan meninggalkan kesan yang mendalam pada jiwa murid-murid, dan akan menjadi ikutan mereka. Selain daripada itu seorang guru agama mestilah beriman teguh, mengetahui selok belok agama dengan sempurna. Di samping itu juga hendaklah mengetahui cara-cara untuk menarik minat murid terhadap pelajaran supaya pelajar dapat difahamkan dengan betul serta mereka dapat mengamalkanya.

Pernyataan Masalah

Menurut Mohamad Maliki Ali (2015), amalan pengajaran dan pembelajaran guru masih di peringkat yang kurang baik. Ini akan mengakibatkan murid terutamanya murid akan lemah dalam pembelajaran pendidikan Islam. Menurutnya lagi, amalan pengajaran dan pembelajaran faktornya terdapat guru GPI yang masih lemah dalam penguasaan penyampaian pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada pelajar.

Perkara ini turut disokong dengan kajian Abd Aziz Mahayudin (2012) menyatakan salah satu faktor yang menjadi penyebab kepada kemerosotan pengajaran guru-guru di sekolah ialah kemahiran dalam pengajaran. Dalam kajian Jaafar @ Mustapha et al. (2012) pula menyatakan bahawa, guru Pendidikan Islam masih mengaplikasikan kaedah pengajaran yang mudah atau lama iaitu pendekatan pengajaran sehala.

Menurut Ab Halim Tamuri et al. (2013) dalam kajian berkaitan pelaksanaan pengajaran di sekolah rendah agama negeri Selangor menunjukkan bahawa rata-rata guru-guru SRA-JAIS yang mengajar yang mengajar kurikulum pendidikan Islam JAIS ini lebih cenderung kepada penggunaan kaedah pengajaran yang berpusatkan kepada guru. Dalam pelaksanaan kaedah-kaedah pengajaran yang berpusatkan kepada murid seperti talaqqi musyafahah, perbincangan, berdialog, menulis rencana ringkas, simulasi, sumbangsaran, projek, lakonan dan sebagai menurut beliau guru SRA-JAIS kurang melaksanakan kaedah pengajaran seperti itu.

Penggunaan bahan bantu mengajar juga merupakan salah satu daripada aspek yang membantu guru dalam menarik minat pelajar serta ke arah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Namun begitu, sehingga kini isu berkaitan guru pendidikan Islam masih belum mampu melaksanakan penggunaan bahan bantu mengajar dalam Pdp pendidikan Islam. Ianya berpunca daripada beberapa faktor antaranya kekangan masa, kurangnya ilmu pengetahuan dalam mengendalikan pengajaran abad ke-21 dan pelbagai lagi (Mohd Shaubari Othman, 2016; Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri, 2010).

Berdasarkan isu-isu yang telah dinyatakan berkemungkinan isu-isu berkaitan pengajaran guru ini juga terjadi dalam kalangan guru yang bertugas di SRA-JAWI. Justeru itu, kajian yang dijalankan ini ingin mengetahui bagaimanakah tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan pengajaran. Hal ini kerana, pengkaji melihat kajian berkaitan dengan guru SRA-JAWI kurang dilaksanakan. Untuk masalah yang telah dinyatakan itu, kajian ini perlu dijalankan agar dapat memberi input baharu serta memberi manfaat dan menambah baik bagi meningkatkan lagi profesion perguruan.

Objektif Kajian

Mengenal pasti tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan pelaksanaan pengajaran

Tinjauan Literatur

Menurut Cooper (2006) fungsi pelaksanaan dalam pengajaran memerlukan guru melaksanakan keputusan yang dibuat dalam peringkat perancangan pengajaran, terutamanya yang berkaitan kepada mod pengajaran, strategi mengajar, dan aktiviti pembelajaran. Dalam pelaksanaan pengajaran memerlukan guru untuk mempunyai kemahiran mengajar. Mempunyai kemahiran mengajar merupakan komponen utama dalam pelaksanaan pengajaran termasuk menyampaikan dan menjelaskan, mempersoalkan, mendengar, memperkenalkan, membuktikan, menarik minat murid, membuat penilaian dan sebagainya merupakan aspek

kemahiran mengajar yang penting bagi guru dalam melaksanakan pengajaran agar menjadi pengajaran yang berkesan.

Kamarul Azmi Jasmi et al. (2012), telah menyatakan bahawa dalam menjadikan sebuah pengajaran yang cemerlang adalah bergantung kepada cara pengajaran guru itu sendiri, khususnya pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam. Antaranya dengan cara menyediakan nota kuliah yang ringkas, padat, dan menarik. Selain itu, guru juga perlu sentiasa menarik minat murid iaitu dengan memberikan kejutan atau menawan hati murid dengan memberikan sebuah cerita, memberikan permasalahan, mengungkapkan dilema, menerangkan misteri atau menanyakan soalan. Selain itu dengan cara penyampaian kuliah yang dapat dilihat dan didengar iaitu guru perlu bergerak di sekitar bilik darjah bagi mengelakkan pelajar-pelajar di belakang terutamanya mungkin hilang fokus. Oleh itu, seorang guru itu perlu berusaha gigih melakukan pelbagai perkara untuk menawan hati setiap pelajar walaupun kadang kala usaha tersebut sebahagiannya tidak berjaya. Walau bagaimanapun guru perlu terus berusaha dan tidak mudahberputus asa demi menjayakan pengajaran dan pembelajaran.

Dalam kajian Ahmad Yunus Kasim & Ab. Halim Tamuri (2010) berkaitan pengetahuan pedagogi kandungan dalam pengajaran akidah memerlukan kepada kaedah yang berbeza dari pengajaran subjek lain. Hal ini kerana belajar subjek akidah bukan hanya sekadar ilmu pengetahuan malah dalam meningkatkan dan memantapkan keimanan. Oleh sebab itulah, pengajaran seorang guru hendaklah diselaraskan dengan kemampuan seorang pelajar serta tahap kematangan dan kecerdasan pelajar agar sesuai dengan tujuan pendidikan yang ingin dicapai di samping menarik minat pelajar. Kepakaran serta kefahaman seorang guru dalam mengolah ilmu pengetahuan sangat penting dalam menghasilkan pengajaran yang cemerlang dan berkesan.

Al-Qabisi (1955) ada menyarankan pelaksanaan pengajaran secara tunjuk ajar atau dikenali sebagai kaedah demonstrasi. Metode pengajaran demonstrasi ini boleh diguna pakai dalam pembelajaran al-Quran, fiqh seperti solat, tayammum, wuduk dan sebagainya. Melalui kaedah ini murid akan mudah memahami isi pengajaran dengan lebih berkesan terhadap yang disampaikan oleh guru. Murid juga boleh meniru atau mengikuti cara pembacaan guru ataupun gerakan yang lakukan oleh guru. Kesannya apabila guru mengaplikasikan pengajaran berbentuk demonstrasi murid akan dapat mengaplikasikan segala isi pelajaran yang telah dipelajari dalam kehidupan sehariannya.

Selain itu, Al-Qabisi (1955) turut menekankan pelaksanaan *targhib dan tarhib*. Pelaksanaan kaedah *targhib* dalam pengajaran secara tidak langsung akan dapat menghidupkan iklim pengajaran yang kondusif disamping dapat mendorong pelajar tetap fokus dalam sesi pengajaran. Seterusnya, para guru juga akan bersemangat untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Sementara itu, bagi pelaksanaan kaedah *tarhib* pula menurut Al-Qabisi (1955) berpesan agar tidak menggunakan kaedah ini kecuali telah gagal membetulkan murid dengan pelbagai cara dan murid tetap tidak berubah seperti dengan cara nasihat, amaran, ugutan dan sebagainya (al-Na'miy, 1994). Ini kerana tujuan kaedah *tarhib* bukan untuk memberikan kekerasan malah sebaliknya dilaksanakan bagi mendidik pelajar ke arah perilaku yang lebih baik.

Seterusnya, menurut Cooper (2006) kemahiran tambahan diperlukan untuk memantau tingkah laku pelajar, menguatkuasakan peraturan dan tatacara, menggunakan teknologi pengajaran, bahan bantu mengajar, mempamerkan kepedulian dan menghormati, dan mencipta

pembelajaran dan persekitaran positif. Menurut Syed Ismail Syed Mustafapa & Ahmad Subki Miskon (2010) selain mempunyai kemahiran mengajar kemahiran mengawal kelas juga dilihat penting dalam menjayakan sesuatu proses pengajaran. Seperti contoh melaksanakan penghargaan dan pengiktirafan terhadap pelajar. Tindakan ini akan dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan menarik setiap pelajar mengambil bahagian dalam sesi pembelajaran. Guru juga seharusnya mempunyai kemahiran dalam berkomunikasi. Guru yang mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan baik dengan pelajar, akan menghasilkan suasana pembelajaran yang baik, serta segala yang diajar tentu akan dapat diterapkan dengan lebih mudah dan berkesan. Selain itu, guru yang mahir berkomunikasi juga akan menjadi sumber inspirasi kepada pelajar, dan ianya akan mudah diterima oleh pelajar (Syed Ismail Syed Mustafapa & Ahmad Subki Miskon, 2010).

Seterusnya bahan bantu mengajar (BBM) juga merupakan faktor yang memainkan peranan dalam melancarkan proses PdP. Menurut Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri (2007), segala jenis peralatan serta kelengkapan yang digunakan oleh guru dalam sesi pengajaran kepada pelajar dalam bilik darjah adalah dikenali sebagai bahan bantu mengajar. Tambahnya lagi, peralatan dan bahan tersebut juga termasuk segala benda yang digunakan dalam pelajaran yang dapat dilihat, didengar, dipegang, dibaca, dan sebagainya seperti contoh *speaker*, *microphone*. Bahan bantu mengajar ini tidak patut dibataskan hanya pada penggunaan buku teks, buku aktiviti serta papan putih sahaja.

Berdasarkan kajian Kamarul Azmi Jasmi et al. (2011) mendapati bahan yang digunakan sebagai bahan pengajaran oleh guru cemerlang GPI majoriti menyatakan buku teks. Ianya turut disokong dengan kajian yang telah dijalankan oleh Misnan Jemali et al. (2014) penggunaan ABM dalam kalangan guru masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Namun begitu beliau turut menyatakan penggunaan alat yang sesuai dan terpenting dengan pembelajaran sudah memadai dan dikira juga menggunakan bahan bantu mengajar

Pengetahuan dan kemahiran penggunaan BBM juga merupakan pengetahuan yang perlu seorang guru kuasai khususnya TMK. Bidang pendidikan pada masa kini menuntut guru menggunakan pelbagai kaedah dalam sesi pengajaran kepada pelajar antaranya juga termasuklah penggunaan BBM dalam kalangan guru khususnya GPI (Mohd Faez Ilias et al., 2016). Menurut Maimun Aqsa et al. (2011) dalam kajian Mohd Faez Ilias et al. (2016) menyatakan pengetahuan GPI terhadap penggunaan TMK masih kurang mendalam. Oleh itu guru haruslah mempunyai inisiatif dan usaha sendiri dalam meningkatkan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang teknologi seiring dengan zaman dalam menghadapi cabaran dalam mendidik generasi masa kini. Pihak sekolah juga haruslah memainkan peranan dengan menyediakan kemudahan seperti internet agar mudah diakses oleh guru (Mohd Faez Ilias et al., 2016).

Menurut Amie Doris Dorin et al. (2018) dalam kajiannya menyatakan pentingnya melaksanakan penilaian kepada diri guru itu sendiri. Ini kerana dapatan kajian ini mendapati kelemahan amalan pengajaran guru yang memerlukan kepada penambahbaikan. Antranya kelemahannya adalah berkaitan dengan kemahiran guru dalam pengajaran yang mendapati bahawa guru masih melaksanakan pembelajaran kaedah yang lama. Ini menunjukkan guru tidak mengamalkan cara pembelajaran yang terkini seperti pengajaran yang berpusatkan kepada pelajar. Tambahan pula, guru juga kurang mendedahkan pembelajaran yang berteraskan teknologi dalam pembelajaran pelajar. Tambahan lagi, soalan yang ditanyakan kepada pelajar adalah aras rendah yang tidak mencabar pemikiran pelajar.

Oleh itu, sebagai seorang guru perlulah menambah lagi ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya guru sentiasa bersedia dengan sebarang perubahan dalam dunia pendidikan. Kualiti profesion keguruan yang rendah adalah disebabkan kebanyakan guru kurang mempunyai pengetahuan dan kelayakan yang baik untuk memimpin dunia pendidikan. Oleh itu dalam era pengetahuan, guru perlu mempunyai komitmen yang tinggi terhadap pembelajaran untuk memperbaiki profesion yang diceburi dan pembelajaran untuk membina kekuatan diri sendiri. Sesuai dengan tugas dan tanggungjawab guru untuk membentuk generasi berilmu pengetahuan, guru perlulah melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2007).

Kerangka Teorikal Dan Konseptual Kajian

Kerangka Teorikal


Pengkaji menggunakan teori amalan pengajaran berdasarkan model pengajaran berkesan Cooper (2006), model al-Qabisi (1955) dan model Standard Guru Malaysia (2009) (rajah 1) sebagai kerangka teorikal kajian. Amalan pengajaran adalah satu topik yang membincangkan ketiga-tiga teori ini. Teori pengajaran berkesan oleh Cooper (2006) ada menerangkan mengenai salah satu aspek utama pengajaran iaitu pelaksanaan (*implementing*). Sedangkan model al-Qabisi (1955) pula lebih menumpukan kepada bidang pendidikan al-Quran. Walau bagaimanapun, model ini boleh digunapakai dalam pengajaran secara umum. Sementelahan itu, model Standard Guru Malaysia (SGM) pula merupakan standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dijadikan garis panduan terhadap guru-guru di Malaysia.

Model pengajaran berkesan berdasarkan Cooper (2006) membahaskan hubungkait utama pengajaran iaitu pelaksanaan (*implementing*) seperti kemahiran mengajar, bahan bantu mengajar dan pengurusan bilik darjah. Menurut Cooper (2006), kemahiran mengajar yang menyokong pelaksanaan termasuklah mempunyai kemahiran menyampaikan dan menjelaskan, mempersoalkan, mendengar, memantau, memberikan maklum balas, dan menunjukkan (demonstrasi). Selain itu kemahiran tambahan yang diperlukan adalah memantau tingkah laku pelajar, menguatkuasakan peraturan dan tatacara, menggunakan teknologi pengajaran, bahan bantu mengajar, mengambil berat dan menghormati pelajar, dan mencipta pembelajaran dan persekitaran positif.

Al-Qabisi (1955) juga turut menyatakan bahawa seorang guru perlu mempunyai sifat peka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku. Menurut beliau seorang guru haruslah memerhati tingkah laku murid secara terperinci iaitu dengan mengawasi tingkah laku mereka. Hal ini kerana dikhuatiri rosak akhlak murid dengan melakukan tingkah laku yang tidak baik ataupun mempunyai sifat-sifat yang nakal. Oleh itu selain mempunyai kemahiran mengajar, guru juga perlu menguasai kemahiran kawalan kelas dengan baik. Selain itu, Al-Qabisi (1955) juga ada menyarankan pelaksanaan pengajaran secara tunjuk ajar atau dikenali sebagai kaedah demonstrasi. Metode pengajaran demonstrasi ini boleh diguna pakai dalam pembelajaran al-Quran, fiqh seperti solat, tayammum, wuduk dan sebagainya. Melalui kaedah ini murid akan mudah memahami isi pengajaran dengan lebih berkesan terhadap yang disampaikan oleh guru. Murid juga boleh meniru atau mengikuti cara pembacaan guru ataupun gerakan yang lakukan oleh guru.

Standard Guru Malaysia (2009), pula menyatakan kemahiran yang perlu guru kuasai di peringkat pelaksanaan salah satunya memerlukan guru untuk menggunakan pelbagai

pendekatan pengajaran. Antaranya adalah dengan mengintegrasikan kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran guru sebagai pemudah cara, kemahiran komunikasi dan sebagainya. Hal ini kerana pembelajaran yang berkesan adalah bergantung kepada kemahiran guru membuat pemilihan dan penyediaan yang sesuai. Tambahan lagi, guru juga perlu menyesuaikan strategi pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil kira tahap keupayaan murid agar menjadi pembelajaran yang bermakna dan berkesan.




Rajah 1: Kerangka teori kajian

Sumber: Cooper (2006), al-Qabisi (1955) Standard Guru Malaysia (2009)

Kerangka Konseptual

Bagi menghasilkan sebuah kerangka konseptual yang menepati dengan kajian yang dijalankan, pengkaji menggabungkan teori-teori kajian berdasarkan model Cooper (2006), al-Qabisi (1955) dan Standard Guru Malaysia (2009) yang dirujuk bagi membolehkan objektif kajian dapat dicapai.

Bahagian pertama dalam kajian ini adalah selari dengan objektif kajian yang pertama iaitu melihat kepada profesionalisme guru (SRA-JAWI) berdasarkan amalan pelaksanaan pengajaran. Bahagian kedua pula melibatkan perbezaan profesionalisme guru agama SRA – JAWI dalam amalan pelaksanaan pengajaran berdasarkan demografi guru selaras dengan objektif yang kedua. Bahagian ketiga adalah hasil yang akan diperolehi berdasarkan kajian ini.



Rajah 2 : Kerangka Konseptual Kajian Profesionalisme Guru Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Dalam Amalan Pelaksanaan Pengajaran

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kuantitatif berbentuk deskriptif yang dilakukan secara tinjauan bagi mengkaji tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan pelaksanaan pengajaran. Kaedah tinjauan digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif tentang amalan pelaksanaan pengajaran seperti kemahiran pengajaran, bahan bantu mengajar dan pengurusan bilik darjah. Sebanyak 68 buah Sekolah Rendah Agama (SRA) dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang dipilih secara rawak hanya melibatkan cawangan Kuala Lumpur sahaja iaitu terdiri daripada zon 1 hingga 6. Lokasi kajian ini dipilih kerana guru SRA-JAWI yang terdapat di lokasi ini mempunyai bilangan sampel yang paling ramai berbanding dengan lokasi di Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Dalam kajian ini juga, pengkaji menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Menurut Mohd Nawi et al. (2020), rasional pemilihan persampelan secara rawak mudah ini bersesuaian kerana populasi yang dikaji tidak seragam iaitu terdiri daripada pelbagai latar belakang dan jantina yang berbeza. Jadi, bagi mengelakkan sebarang ralat persampelan, pengkaji telah memilih populasi 964 orang dengan bilangan saiz sampel seramai 274 orang. Pengkaji yakin saiz sampel yang dipilih ini adalah bertepatan dengan saiz sampel yang dicadangkan oleh Krejcie & Morgan (1970).

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini dilaporkan dalam bentuk laporan deskriptif iaitu dalam bentuk kekerapan, sisihan piawai, interpretasi min dan peratus

| Bil | Kenyataan | Sts | Ts | Tp | S | Ss | Min | S.P | Inter. |
|-----|---|-----|------|-------|--------|-------|------|------|--------|
| C1 | Saya menerapkan unsur kerohanian dalam pengajaran | 0 | 0 | 0 | 155 | 119 | 4.43 | 0.50 | Tinggi |
| | | | | | 56.6% | 43.4% | | | |
| C2 | Saya mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah SWT yang terdapat di sekeliling | 0 | 0 | 0 | 155 | 119 | 4.43 | 0.50 | Tinggi |
| | | | | | 56.6% | 43.4% | | | |
| C3 | Saya mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat murid-murid | 0 | 0 | 2 | 151 | 121 | 4.43 | 0.51 | Tinggi |
| | | | | 0.7% | 55.1% | 44.2% | | | |
| C4 | Saya mempelbagaikan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran | 0 | 0 | 5 | 162 | 107 | 4.37 | 0.52 | Tinggi |
| | | | | 1.8% | 59.1% | 39.1% | | | |
| C5 | Saya menggunakan teknik penyampaian yang berbeza untuk merangsang minat murid-murid | 0 | 0 | 5 | 171 | 98 | 4.34 | 0.51 | Tinggi |
| | | | | 1.8% | 62.4% | 35.8% | | | |
| C6 | Saya mengaitkan pengajaran dengan amalan seharian murid-murid | 0 | 0 | 2 | 161 | 111 | 4.40 | 0.51 | Tinggi |
| | | | | 0.7% | 58.8%) | 40.5% | | | |
| C7 | Saya melibatkan murid-murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. | 0 | 3 | 0 | 177 | 94 | 4.32 | 0.53 | Tinggi |
| | | | 1.1% | 64.6% | 34.3% | | | | |
| C8 | Saya menegaskan kawalan disiplin semasa pengajaran sedang dijalankan | 0 | 1 | 0 | 162 | 111 | 4.40 | 0.51 | Tinggi |
| | | | 0.4% | 59.1% | 40.5% | | | | |
| C9 | Saya menguasai sukatan pelajaran dengan baik | 0 | 0 | 3 | 174 | 97 | 4.34 | 0.50 | Tinggi |

| | | | | | | | | | |
|-----|--|------|-------|------|-------|-------|------|------|---------------------|
| | | | | 1.1% | 63.5% | 35.4% | | | |
| C10 | Saya menguasai ilmu berkaitan dengan pengajaran yang akan disampaikan kepada murid | 0 | 0 | 2 | 178 | 94 | 4.33 | 0.48 | Tinggi |
| | | | | 0.7% | 65% | 34.3% | | | |
| C11 | Saya menggunakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan isi kandungan yang disampaikan | 0 | 0 | 4 | 189 | 81 | 4.28 | 0.48 | Tinggi |
| | | | | 1.5% | 69% | 29.6% | | | |
| C12 | Saya memilih kaedah pengajaran dengan mengambil kira tahap keupayaan murid | 0 | 0 | 2 | 188 | 84 | 4.30 | 0.47 | Tinggi |
| | | | | 0.7% | 68.6% | 30.7% | | | |
| C13 | Saya memberi galakan serta pujian kepada murid | 0 | 0 | 0 | 185 | 89 | 4.32 | 0.47 | Tinggi |
| | | | | | 67.5% | 32.5% | | | |
| C14 | Saya menyampaikan pengajaran dengan kreatif dan inovatif | 0 | 8 | 1 | 201 | 64 | 4.17 | 0.57 | Tinggi |
| | | | 2.9% | 0.4% | 73.4% | 23.4% | | | |
| C15 | Saya membimbing murid dalam memahami isi pembelajaran. | 0 | 0 | 0 | 200 | 74 | 4.27 | 0.44 | Tinggi |
| | | | | | 73% | 27% | | | |
| C16 | Saya menggunakan buku teks sahaja sebagai bahan bantu mengajar. | 7 | 29 | 0 | 187 | 51 | 3.39 | 0.91 | Sederhana Tinggi |
| | | 2.6% | 10.6% | | 68.2% | 18.6% | | | |
| C17 | Saya berusaha mempelajari cara penggunaan ICT dalam melaksanakan pengajaran | 0 | 6 | 16 | 194 | 58 | 4.10 | 0.60 | Tinggi |
| | | | 2.2% | 5.8% | 70.8% | 21.2% | | | |
| C18 | Saya menggunakan internet untuk mendapatkan | 0 | 4 | 14 | 196 | 60 | 4.14 | 0.56 | Tinggi |

| | | | | | | | | | |
|-----|---|-------|------|------|-------|-------|------|------|------------------|
| | maklumat terkini berkaitan pendidikan. | | | | | | | | |
| | | | 1.5% | 5.1% | 71.5% | 21.9% | | | |
| C19 | Saya menggunakan perisian komputer dalam pengajaran. | 69 | 126 | 0 | 60 | 19 | 2.40 | 1.27 | Sederhana Rendah |
| | | 25.2% | 46% | | 21.9% | 6.9% | | | |
| C20 | Saya memberi penghargaan kepada murid. | 0 | 5 | 0 | 206 | 63 | 4.19 | 0.52 | Tinggi |
| | | | 1.8% | | 75.2% | 23% | | | |
| C21 | Saya memberi pengiktirafan kepada murid | 0 | 2 | 2 | 201 | 69 | 4.23 | 0.48 | Tinggi |
| | | | 0.7% | 0.7% | 73.4% | 25.2% | | | |
| C22 | Saya melaksanakan komunikasi dua hala antara pelajar dan guru | 0 | 0 | 0 | 205 | 69 | 4.25 | 0.43 | Tinggi |
| | | | | | 74.8% | 25.2% | | | |
| C23 | Saya melaksanakan pengajaran yang berpusatkan murid | 1 | 8 | 0 | 212 | 53 | 4.12 | 0.57 | Tinggi |
| | | 0.4% | 2.9% | | 77.4% | 19.3% | | | |
| C24 | Saya bergerak di sekitar bilik darjah bagi mengelakkan pelajar terutamanya yang dibelakang kehilangan fokus | 0 | 1 | 0 | 205 | 68 | 4.24 | 0.45 | Tinggi |
| | | | 0.4% | | 74.8% | 24.8% | | | |
| C25 | Saya mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dalam menghasilkan suasana pembelajaran yang sosial positif. | 0 | 0 | 4 | 198 | 72 | 4.25 | 0.46 | Tinggi |
| | | | | 1.5% | 72.3% | 26.3% | | | |
| C26 | Saya mewujudkan suasana P&P yang memotivasikan pelajar | 0 | 0 | 0 | 201 | 73 | 4.27 | 0.44 | Tinggi |
| | | | | | 73.4% | 26.6% | | | |
| C27 | Saya mampu mengawal tingkah | 2 | 3 | 0 | 190 | 79 | 4.26 | 0.51 | Tinggi |

| | | | | | | | | | |
|---------------------------|--|-------|------|---|-------|-------|-------------|-------------|---------------|
| | laku pelajar di dalam proses P&P | | | | | | | | |
| | | 0.7 % | 1.1% | | 69.3% | 28.8% | | | |
| C28 | Saya mampu berkomunikasi dengan pelajar secara jelas | 0 | 0 | 0 | 178 | 96 | 4.35 | 0.48 | Tinggi |
| | | | | | 65% | 35% | | | |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | | | | | 4.20 | 0.26 | Tinggi |

Sumber: Soal Selidik

Taburan analisis deskriptif bagi tahap profesionalisme berdasarkan amalan pelaksanaan pengajaran dalam kalangan responden ditunjukkan dalam Jadual 1 di atas. Sebanyak 28 item telah dianalisis bagi memberi gambaran tentang aras nilai min tahap profesionalisme berdasarkan amalan pelaksanaan yang sebenar. Secara keseluruhannya, tahap profesionalisme berdasarkan amalan pelaksanaan pengajaran terhadap peribadi responden berada pada aras tinggi ($M=4.20$, $S.P=0.26$).

Analisis nilai min secara mendalam terhadap 28 item ini menunjukkan terdapat dua tahap nilai item berada aras tahap sederhana tinggi iaitu kod item C16 "Saya menggunakan buku teks sahaja sebagai bahan bantu mengajar" ($M=3.39$, $S.P=0.91$) dengan purata peratusan responden setuju dan sangat setuju 86.8%. dan kod item C19 "Saya menggunakan perisian komputer dalam pengajaran" ($M=2.40$, $S.P=1.27$) dengan peratusan responden sangat tidak setuju dan tidak setuju lebih majoriti iaitu 71.2 % berbanding peratusan setuju dan sangat setuju hanya 28.8%.

Oleh sebab itulah, jika dilihat pada dapatan ini, setiap item yang dibina dalam kontrak ini mempunyai nilai persetujuan yang tinggi dari guru-guru SRA-JAWI terutama bagi tiga item yang tertinggi yakni kod item C1 "Saya menerapkan unsur kerohanian dalam pengajaran", kod item C2 "Saya mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling", dan kod item C3 "Saya mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat murid-murid". Ketiga-tiga item ini memperoleh skor min yang sama iaitu ($M=4.43$), manakala sisihan piawai masing-masing C1 ($S.P=0.50$), C2 ($S.P=0.50$) dan C3 ($S.P=0.51$) dan interpretasi adalah tinggi. Peratusan responden sangat setuju dan setuju bagi kod item C1 (100%), kod item C2 (100%) dan kod item C3 (99.3%). Berdasarkan data ini menunjukkan sebahagian besar responden menerapkan unsur kerohanian dalam pengajaran, mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling, dan mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat murid-murid.

Perbincangan Dapatan Kajian

Perlaksanaan pengajaran merupakan proses yang merangkumi proses analisis objektif serta isi kandungannya, melaksanakan kaedah dan aktiviti pengajaran yang telah dirancang serta mengintegrasikan pelbagai kemahiran seperti kemahiran berfikir, kemahiran mengajar, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran pemudah cara dan sebagainya (Cooper, 2006; Standard Guru Malaysia, 2009). Analisis kajian mendapati guru SRA-JAWI mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi dalam amalan pelaksanaan pengajaran. Ianya boleh dilihat melalui nilai persetujuan yang dinyatakan oleh guru SRA-JAWI dalam amalan pelaksanaan

pengajaran mendapat nilai skor keseluruhan yang menunjukkan interpretasi tinggi ($M=4.20$). Dapatan ini juga menunjukkan bahawa guru SRA-JAWI bukan sahaja mempunyai kemahiran dalam membuat perancangan pengajaran malah mampu melaksanakan pengajaran dengan baik. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Habibah @ Artini Ramlie (2016) yang menunjukkan profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pelaksanaan pengajaran berada pada tahap yang tinggi.

Pelaksanaan pengajaran menuntut guru bukan sahaja mahir dalam mencurahkan ilmu pengetahuan kepada murid, malah ia menuntut guru agar menyedari tanggungjawabnya selain memberi ilmu guru mempunyai tanggungjawab dalam mendidik murid. Merujuk kepada dapatan kajian ini mendapati guru SRA-JAWI menerapkan unsur kerohanian dalam pengajaran. Selain itu guru SRA-JAWI juga turut mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling. Dapatan kajian ini merupakan sebuah perolehan positif yang menunjukkan bahawa, guru SRA-JAWI tidak hanya mencurahkan ilmu semata-mata malah menerapkan kepada murid supaya mempraktikkan ilmu yang telah diperelajari. Hal ini selaras dengan pendapat Ibnu Sahnun yang menyatakan seorang pendidik hendaklah menerapkan ajaran-ajaran Islam dengan sempurna yang mencakupi aspek amali dan praktikal (Gamal Abdul Nasir Zakaria, 2003). Tambahan lagi, guru SRA-JAWI juga bersetuju bahawa, mereka mengaitkan pengajaran dengan amalan seharian murid sekali gus menjelaskan bahawa guru SRA-JAWI amat menitikberatkan amalan penghayatan cara hidup Islam kepada murid.

Seterusnya, menurut Cooper (2006) untuk menjadi seorang guru yang berkesan salah satunya adalah harus mempunyai kemahiran dalam memilih aktiviti dan kaedah pengajaran yang murid-murid mudah untuk mengikutinya semasa dalam sesi pembelajaran mereka. Dapatan kajian menunjukkan guru SRA-JAWI mempelbagaikan kaedah, teknik penyampaian pengajaran untuk menarik minat serta merangsang murid-murid dalam sesi pembelajaran dan pengajaran. Ianya boleh dilihat melalui nilai persetujuan yang dinyatakan oleh guru SRA-JAWI bagi item berada pada tahap yang tinggi. Pemilihan keadah dan teknik penyampaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran sangatlah penting agar dapat memberi kesan yang dalam bukan sahaja pada kefahaman murid, malahan ia juga mampu memberi kesan pada jiwa murid tersebut. Sekali gus ianya juga akan menyumbang kepada pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti.

Selain itu, guru SRA-JAWI juga turut mempelbagaikan penggunaan bahan bantu mengajar mengikut kesesuaian isi kandungan yang disampaikan. Menurut Kamarul Azmi Jasmi & Abdul Halim (2007), penggunaan bahan bantu mengajar merupakan salah satu elemen yang penting dalam PdP. Pemilihan bahan bantu mengajar yang sesuai amatlah digalakkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, agar ianya berfungsi dalam memudahkan bukan malah menyusahkan guru. Dapatan kajian yang seterusnya bercanggah dengan dapatan kajian yang berikut ini yang mana dapatan menunjukkan bahawa guru SRA-JAWI menggunakan buku teks sahaja sebagai bahan bantu mengajar. Ianya boleh dilihat melalui nilai persetujuan yang dinyatakan oleh guru SRA-JAWI dalam item ini berada pada tahap tinggi. Namun begitu, tidak dinafikan bahan bantu mengajar yang utama adalah buku teks (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2011; Misnan Jemali, Ab Halim Tamuri & Azmil Hashim, 2014).

Berikutan dengan perkembangan teknologi yang berkembang dengan pesat termasuklah dalam bidang pendidikan memerlukan guru-guru peka dengan teknologi seiring dengan zaman dalam mendidik generasi masa kini. Merujuk kepada dapatan kajian ini juga guru SRA-JAWI ada usaha dalam mempelajari penggunaan ICT serta menggunakan pencarian di internet bagi

mendapatkan maklumat terkini berkaitan dengan pendidikan isu pendidikan. Dapatan ini merupakan perolehan yang positif yang menunjukkan guru SRA-JAWI peka terhadap perubahan dunia pendidikan kini dan ada usaha dalam meningkatkan tahap amalan pelaksanaan pengajaran kearah yang lebih baik. Namun begitu, dapatan kajian yang seterusnya menunjukkan guru SRA-JAWI tidak menggunakan perisian komputer. Ini dibuktikan melalui maklum balas jumlah persetujuan yang dinyatakan oleh guru dalam item ini hanya sedikit berbanding dengan nilai tidak setuju dan sangat tidak setuju. Hal ini berlaku kemungkinan berdasarkan atas faktor kekangan masa, kekangan kemudahan teknologi seperti LCD, atau sumber kemudahan yang terhad.

Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru SRA-JAWI melaksanakan pengajaran yang berpusatkan murid dengan mendapat nilai persetujuan yang tinggi. Al-Qabisi dan Ibnu Sahnun juga berpendapat bahawa melantik pelajar dalam mengendalikan urusan pembelajaran merupakan salah satu idea pembelajaran yang baik dan ia juga akan mendatangkan manfaat kepada murid (Gamal Abdul Nasir Zakaria, 2003). Berbeza dengan dapatan kajian Ab. Halim Tamuri et al. (2013) yang menunjukkan guru SRA-JAIS lebih melaksanakan pengajaran yang berpusatkan kepada guru tanpa menafikan kelebihan yang terdapat pada kaedah tradisional berpusatkan guru iaitu guru kerap melakukan kaedah pengajaran seperti penerangan, bercerita berdemonstrasi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, guru SRA-JAWI juga turut melaksanakan komunikasi dua hala antara murid dan guru. Dapatan ini menunjukkan disamping melaksanakan pembelajaran berpusat kepada pelajar, guru SRA-JAWI juga membimbing murid dalam sesi pengajaran.

Guru SRA-JAWI juga turut mengamalkan amalan memberi penghargaan, pengiktirafan dan pujian kepada murid. Al-Qabisi juga berpendapat bahawa memberi sanjungan atau penghargaan ini merupakan pendekatan yang mempunyai kesan yang positif. Hal ini kerana, ianya akan mendorong seseorang murid untuk belajar bersungguh-sungguh serta murid tersebut juga akan menjadi motivasi kepada murid-murid yang lain (Gamal Abdul Nasir Zakaria, 2003). Mohd Aderi Che Noh (2015) juga turut menyatakan bahawa memberi intensif kepada murid akan membantu guru dalam memotivasikan murid untuk terus belajar. Hasil dapatan yang positif ini berkait dengan dapatan kajian yang seterusnya yang menunjukkan guru SRA-JAWI juga mempunyai kemampuan mewujudkan suasana pembelajaran yang memotivasikan pelajar. Ini dibuktikan melalui nilai persetujuan yang dinyatakan oleh guru SRA-JAWI dalam item ini berada pada tahap tinggi.

Dapatan kajian yang seterusnya menunjukkan guru SRA-JAWI mempunyai kemahiran komunikasi yang baik. Kajian Mohd Khairuddin Abdullah (2014) mendapati faktor yang menjadi penghalang komunikasi antara murid dan guru adalah apabila guru bertutur dengan laju. Rentetan daripada itu, ianya akan mengakibatkan kegagalan kawalan kelas. Tambahan lagi guru yang mempunyai kemahiran komunikasi yang lemah akan menyebabkan murid merasa bosan, malas dan seterusnya hilang fokus untuk belajar. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan guru SRA-JAWI mampu mengawal tingkah laku pelajar semasa dalam proses PdP seperti bergerak di sekitar bilik darjah bagi mengelakkan pelajar terutamanya dibelakang kehilangan fokus. Berdasarkan kepada dapatan ini guru SRA-JAWI mengamalkan kaedah pengajaran yang berkesan dalam mendorong murid mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu dapatan kajian menunjukkan guru SRA-JAWI menguasai ilmu berkaitan dengan dengan pengajaran yang disampaikan. Guru SRA-JAWI juga menyampaikan pengajaran

dengan mengambil kira tahap keupayaan murid. Mempunyai kepakaran dalam mengolah ilmu pengetahuan agar selaras dengan tahap kemampuan murid sangat penting bagi seorang guru kerana ianya akan menghasilkan sebuah pengajaran yang berkesan disamping mempunyai penguasaan ilmu yang mantap (Ahmad Yunus Kasim & Ab Halim Tamuri, 2010). Menurut Ibnu Khaldun, dalam proses pengajaran guru perlu menitikberatkan tiga langkah penting iaitu menguasai ilmu pengetahuan terlebih dahulu sebelum diberikan pengetahuan secara terperinci kemudiannya hendaklah disampaikan secara beransur-ansur iaitu bertahap mengikut kemampuan murid (Gamal Abdul Nasir Zakaria, 2003). Tambahan lagi menjadi seorang guru perlulah bijak menyesuaikan ciri-ciri perbezaan yang terdapat dalam kalangan murid (Mohd Aderi Che Noh, 2015)

Implikasi Kajian Dan Kesimpulan

Kajian ini memberi gambaran bahawa tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan pelaksanaan pengajaran berada pada tahap yang tinggi. Namun begitu dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa amalan yang kurang dilaksanakan oleh guru SRA-JAWI. Antaranya adalah penggunaan perisian komputer dalam pengajaran. Justeru itu, pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Agama Wilayah Persekutuan, Bahagian Pelajaran JAWI, pentadbir sekolah, guru hendaklah bersama-sama menjalankan peranan masing-masing agar dapat meningkatkan lagi tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan pelaksanaan pengajaran ini.

Secara umumnya banyak kajian yang kebaikan terhadap penggunaan komputer dalam pembelajaran, namun begitu tidak semua kajian memberikan hasil dapatan yang positif. Oleh itu, dapatan kajian ini secara tidak langsung memberi maklumat yang berguna kepada pihak yang berwajib khususnya pihak Jabatan Agama Wilayah persekutuan dan pihak pentadbir sekolah untuk mengambil langkah yang bersesuaian sebagai maklum balas terhadap kajian ini. Kajian lanjutan juga perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti kekangan yang dihadapi oleh guru SRA-JAWI dalam menggunakan ICT dalam sesi pengajaran. Hal ini kerana berikutan daripada dapatan kajian yang menyatakan guru SRA-JAWI ada usaha mempelajari penggunaan ICT dalam pengajaran bagi meningkatkan tahap pengajaran ke arah yang lebih berkesan namun begitu tidak melaksanakannya dalam sesi pengajaran. Melalui dapatan ini juga menjadi suatu perolehan yang positif yang menunjukkan guru SRA-JAWI peka terhadap perubahan dunia pendidikan kini dan ada usaha dalam meningkatkan tahap amalan pelaksanaan pengajaran ke arah yang lebih baik.

Rujukan

- Abd Aziz Mahayudin (2012). *Keperluan Pengetahuan, Pengajaran dan Perancangan Pengajaran Pendidikan Islam dalam kalangan Guru Pelatih dalam Perkhidmatan*. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru 2012 pada 15-17 Oktober 2012. Bukit Gambang Resort City, Kuantan: Pahang
- Abd Rahim Abd Rashid (2007). *Profesionalisme Keguruan: Prospek dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, Rosli Mokhtar, Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Asmadi Mustakim & Zetty Nurakmal Azura bt. Rashed (2013). *Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam (Jais) Di Sekolah-sekolah Rendah Agama Negeri Selangor*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajian Islam. 1(1): 1-35

- Ahmad Yunus Kasim, and Ab. Halim Tamuri, (2010) *Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) pengajaran akidah: kajian kes guru cemerlang Pendidikan Islam*. JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education, 2 (2). pp. 13-30.
- Al-Qabisi, Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf (1955). *Ar-Risalah al-Mufasssolah li ahwal al-mua'llimin wa ahkam al- mua'llimin wal mutaalimin*. Kaherah. Dar Ehya al-Kutub al-Arabiyyah.
- Amie Doris Dorin, Evelyn Banu, Lucy AK Tambi & Sim Pik Yun (2018). *Kualiti Guru dan Profesionalisma Keguruan: Isu-isu dalam Pendidikan*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.
- Cooper, J.M. (2006). *The teacher as a reflective decision maker*. Dalam Cooper, J.M., *Classroom Teaching Skills*, hlm 1-19. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*. Pahang: PTS Publications & Distributors, 2003.
- Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Safar, Norshahrul Marzuki Mohd Nor (2016). *Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (Gpi) Dalam Aspek Pengajaran*. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Vol. 3, No.3 (85-109)
- Ismail, N. (2014, August 15). Guru ejen pengubah masyarakat. *Berita Harian Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2014/08/722/guru-ejen-pengubah-masyarakat>
- Jaafar @ Mustapha, M. M., Tamuri, A. H., & Ya, R. (2012). Konsep Berilmu di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan dalam Membangunkan Modal Insan. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] 8-9 March 2012. Le Grandeur Palm Resort, Senai: Johor Bahru.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Penerbit Universiti Teknologi Mara. Johor Darul Takzim
- Kamarul Azmi Jasmi, and Mohd Faez Ilias, and Ab. Halim Tamuri, and Mohd Izham Mohd Hamzah, (2011) *Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education, 3 (1)
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim, Mohd Faez Ilias (2012). *Gaya Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan pembelajaran Pendidikan Islam*, Conference: Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam Grandeur Palm Resort, Senai: Johor Bahru
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri & Azmil Hashim. (2014). *Kaedah Pengajaran al-Quran Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak*. International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education. 1(1): 35-44.
- Mohd Faez Ilias , Murihah Abdullah, Kalthom Husain, Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Hafiz Abdullah , Arieff Salleh Rosman (2016). *Jenis-Jenis Sumber Pengetahuan Guru Pendidikan Islam dalam Penggunaan Bantu Mengajar di Sekolah Bestari*. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi. Edisi Khas. Vol.3, No. 2-1 (Jun 2016). Hlmn. 41-55.
- Mohd Puad, N., Mohd Yusoff, A., & Awang, M. (2018). Etika Dan Tanggungjawab Pendidik Dalam Profesion Perguruan Dan Cabaran Pendidik Masa Kini. *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT)*, 6(2), 43-52. Retrieved August 9, 2022, from <https://journal.pbmitt.org.my/wp-content/uploads/2019/01/3-Etika-dan-Tanggungjawab..Daud-Awang-..-UPM.pdf>

- Mohd Khairuddin Abdullah (2014). *Komunikasi guru dalam bilik darjah dan tingkah laku delinkuen murid sekolah menengah*. Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinkers). Vol. 5, pp. 59-77, ISSN 1985-3637.
- Mohamad Maliki Ali, Maimun Aqsha Lubis dan Mohd Aderi Che Noh (2015). *Pembentukan Akhlak Pelajar Melalui Kemahiran Berfikir Dalam Pendidikan Islam*. Penerbit Persatuan Intelektual Muslim Malaysia.
- Mohd Nawawi, M., Hashim, A., & Muhamad, N. (2020). Integrasi Penggunaan Teknologi Pelbagai Media oleh Guru Pendidikan Islam di Maahad Yayasan Islam Kelantan. Jurnal Sains Sosial Dan Pendidikan Teknikal | Journal of Social Sciences and Technical Education (JoSSTEd), 1(1), 73-88.
- Mohd Syaubari Othman (2016). *Amalan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan Jilid ke -17. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhammad Salih Samak (1980). *Fan al-Tadris lil Tarbiyah al-Diniyah wa Irtibatih al-Nafsiyah*. Terjemahannya disunting oleh Mohd Marzuji Shafie dan Mohamed Abdul Kadir. Maktabah al- Anglo alMasriyah. Cairo.
- Siti Fatimah Ahmad, and Ab. Halim Tamuri, (2010) *Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF*. JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education, 2 (2)
- Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon (2010). *Asas Kepimpinan & Perkembangan Profesional*. Penerbit Multimedia. Puchong . Selangor.